

21 AUG 1996

TNB-Laporan

KOMPONEN ROSAK DALAM PEMUTUS LITAR SEBABKAN GANGGUAN BEKALAN

KUALA LUMPUR, 21 Ogos (Bernama) -- Satu komponen yang rosak dalam pemutus litar 275 kV di kawasan suis Stesen Tenaga Paka telah menyebabkan terputusnya bekalan elektrik di seluruh Semenanjung pada 3 Ogos lepas, demikian menurut laporan Tenaga Nasional Berhad (TNB) kepada Kabinet.

Laporan itu diumumkan kepada orang ramai hari ini oleh Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, Datuk Datuk Leo Moggie.

Ini merupakan laporan kedua yang dibuat kepada Kabinet oleh TNB. Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad tidak puas hati dengan laporan sementara yang diserahkan kepada Kabinet dua minggu lepas.

Moggie juga berkata kerajaan masih mahukan siasatan oleh perunding bebas ke atas kejadian itu, iaitu yang kedua melanda negara ini selepas kejadian pada tahun 1992.

Kata beliau Kabinet juga membincangkan kemungkinan rebet diberi kepada pengguna kerana kejadian gangguan bekalan tenaga itu yang berlangsung selama 12 jam, tetapi Kabinet berpendapat ianya memerlukan kajian yang lebih lagi termasuk amalan di negara lain.

"Kalau kita ingat baru-baru ini satu gangguan tenaga yang besar berlaku di sebelah barat Amerika Syarikat, bagaimana mereka menanganinya, apa yang berlaku... inilah soalan-soalan yang Kabinet berpendapat perlu dibangkitkan dan dikaji terlebih dahulu sebagai sebahagian dari bagaimana kami menunjukkan simpati kepada kerugian yang dialami oleh pengguna," kata beliau.

Moggie percaya bahawa Kementerian Kewangannya sedang dalam proses untuk melantik perunding bebas itu tetapi enggan memberitahu sama ada laporan mereka akan diumumkan kepada orang ramai.

Moggie juga enggan memberi keterangan lanjut ataupun menjawab soalan wartawan mengenai laporan TNB itu.

"Saya hanya mengeluarkan apa yang beri oleh TNB dan ini adalah percuma, awak boleh membacanya, laporan mereka mempunyai ringkasan dan teks penuhnya, ada lampirannya di sini," kata beliau sambil menunjukkan kepada isi kandungan laporan itu.

Menurut laporan TNB itu, grid negara gagal berfungsi oleh kerana rangkaian kejadian yang disebabkan oleh komponen yang rosak di pemutus litar itu. Operasi sistem perlindungan berganti-ganti kemudiannya membawa kepada pemutusan hubungan secara automatik dari penjanaan di stesen-stesen tenaga TNB dan YTL di Paka. Stesen YTL dipunyai oleh penjana tenaga bebas (IPP).

Dalam langkah kontinjensi pertama untuk memulihkan bekalan, unit-unit penjanaan turbin gas juga turut gagal berfungsi dan langkah kontinjensi yang kedua yang melibatkan pembuangan beban juga gagal disebabkan kehilangan penjanaan yang teruk.

Laporan itu juga menyebut mengenai kelebihan besar unit-unit turbin gas dalam sistem grid negara. Ini, katanya, satu masalah besar kepada industri ini dari segi tahap jaminan sistem pembekalan elektrik.

Bilangan unit turbin gas yang besar ini, yang fungsinya tidak berketentuan semasa gangguan dalam sistem, telah memusnahkan prestasi sistem tenaga yang dinamik semasa gangguan-gangguan besar.

Sementara penyesuaian dibuat untuk mengambil guna unit-unit turbin gas, laporan itu berkata tahap jaminan dan keselamatan sistem itu perlu diberi pertimbangan mengatasi perkiraan ekonomi.

"Oleh itu kerajaan perlu mengambil kira urusan komersial yang ada

sekarang dalam konteks keadaan semasa," kata laporan itu.

Isu mengenai jumlah unit turbin gas yang besar itu terkandung dalam sembilan cadangan dan tindakan yang diambil oleh TNB selepas kejadian itu.

Cadangan-cadangan itu ialah:

*Menambah kuantum dalam skim pembuangan beban automatik dari 1579 megawatt kepada 2,000 megawatt untuk mengurangkan kegagalan unit-unit turbin gas yang tidak disengajakan.

*Memperkenalkan dua peringkat tambahan kepada pembuangan beban automatik untuk membolehkan beban diputuskan secara automatik supaya penurunan frekuensi dapat ditangani sebelum turbin gas yang berjalan dalam sistem memburukkan kelemahan penjanaan dan seterusnya membuka jalan kepada kemungkinan rosak.

*Semua pemutus litar dari jenis yang sama diperiksa untuk mencegah berlakunya kerosakkan unit-unit yang serupa.

*Satu kajian semula terhadap sistem perlindungan di stesen-stesen utama diperlukan dengan segera untuk jaminan kepada sistem.

*Mengurangkan kuantum pengeluaran penjanaan stesen tenaga yang dikuasai oleh turbin gas untuk mengurangkan kemungkinan gangguan besar sekiranya terdapat kerosakan di stesen-stesen itu atau di tempat-tempat lain.

*Kajian semula mengenai ciri-ciri perjalanan turbin gas yang dibuat melalui jawatankuasa Kod Grid Malaysia. Jumlah unit yang banyak yang disambungkan dengan grid negara memerlukan pemahaman yang lebih terhadap cara perjalanannya untuk mencapai keberkesanan yang optima dari segi tahap jaminan dan keselamatan sistem dan juga dari segi operasi ekonominya.

*Menambahkan kuantum simpanan berpusing dengan bahagian yang lebih dari penjanaan bukan dari turbin gas.

*Mengurangkan tahap penjanaan dan memastikan pembahagian penjanaan dalam keseluruhan rangkaian.

*Siasatan terperinci yang segera ke atas perjalanan turbin gas dalam masa frekuensi menurun di stesen-stesen tenaga TNB dan IPP bersama dengan pengeluar-pengeluar untuk menjelas dan memahami fenomena yang dialami. --

BERNAMA

AFY WAT